



Anwar diiringi Lih Kang melihat pameran selepas merasmikan Jelajah-Bioekonomi Kebangsaan 2024, di WTCKL, semalam. (Foto bernama)

# 100 saintis diminta ke sekolah bantu pelajar minat STEM

## PM minta rangka program pendedahan tarik minat anak muda

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang menyenaraikan 100 saintis bioteknologi untuk merangka program menarik minat murid dalam bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) di 100 sekolah.

Perdana Menteri mahu laporan mengenai perkara itu dihantar kepadanya dalam dua minggu.

“Sekolah terbabit tidak hanya tertumpu di bandar, saya mahu ia meliputi institusi pendidikan di kampung dan pinggir bandar.

“Saya maklum kepada Lih Kang untuk adakan kerjasama lebih erat dengan Kementerian Pendidikan (KPM) supaya program pesatkan dan tingkatkan minat anak muda dalam STEM berbanding sebelum ini.

“Kebimbangan saya adalah kita sebut bidang digitalisasi, kecerdasan buatan (AI) dan bioekonomi untuk pastikan pendekatan kita ambil menjalar kepada rakyat.

“Jadi, bolehlah syarikat bioteknologi, agensi dan kementerian sebulan sekali, dua tiga jam turun ke sekolah menengah dan beri sedikit pendedahan,” katanya yang cakna mengenai penurunan minat murid terhadap

STEM sehingga memberi kesan kepada bilangan bakat dalam kerjaya tertentu seperti jurutera.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Jelajah Bioekonomi Kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di sini, semalam.

### Rangka ikhtiar baharu

Menerusi penganjuran program itu, Perdana Menteri mahu pihak berkaitan merangka ikhtiar baharu, khususnya terkait kaedah menggarap dan memperkasa bidang yang belum berkembang dalam kalangan pemikiran rakyat.

“Saya harap jelajah sektor itu diperluaskan ke daerah lain termasuk sekolah. Program ini boleh menyumbang ke daerah lain secara kecil dan peruntukan ke-

cil. Ia boleh dimanfaatkan di sekitar atau kalau tidak di dewan ini, di dewan sekolah dekat beberapa daerah.

“Ini penting untuk memberi pendedahan kepada anak muda di sekolah rendah dan menengah melonjak minat dalam bidang ini. Saya singgung mengenai kurang minat STEM, tetapi bila ceramah, pencerahan oleh saintis ini boleh menaikkan minat mereka.

“Itu sebabnya saya selalu sarankan kepada profesional dalam kementerian, dua bulan sekali misalnya pilih untuk turun ke sekolah dan universiti. Jadi mereka akan kagum dengan saintis muda dan pemegang ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang tertentu,” katanya.